

SULIT
Tasawwur
Islam
1 1/4 Jam

5226/1

Nama..... No.Kad Pengenalan :

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN EMPAT

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian .
Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan
Bahagian B
3. Jawapan kedua-dua bahagian ini hendaklah
diserahkan bersama-sama
4. Bulatkan jawapan anda untuk Bahagian A
di dalam kertas jawapan di halaman
5. Tuliskan jawapan anda untuk Bahagian B di
ruangan yang disediakan dalam kertas soalan
ini

Untuk Kegunaan Pejabat		
Bahagian	Soalan	Markah
A		
Jumlah		20
	1	
	2	
	3	
	4	
Jumlah		20

Kertas ini mengandungi 7 halaman bercetak

BAHAGIAN A

(20 markah)

Jawab semua soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah 30 minit

Soalan 1 hingga 20 , tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A , B , C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan bulatkan jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan;

1.

Mengakui bahaawa hanya Allah yang Esa yang layak disembah , ditaati dan dipatuhi secara mutlak.

Penyataan di atas menerangkan pengertian

- A. Aqliah
 - B. Ruhiyyah
 - C. Uluhiyyah
 - D. Rububiyah
2. Antara berikut semuanya **BENAR** tentang ciri-ciri orang yang beragama **KECUALI**
- A. Memiliki kesempurnaan akhlak
 - B. Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki
 - C. Reda dengan ketentuan yang baik sahaja daripada Allah
 - D. Melakukan sesuatu dengan ikhlas untuk mendapat ganjaran daripada Allah
3. Antara berikut yang manakah **BETUL** tentang Rasul Ulul Azmi
- A. Nabi Muhammad - Nabi Daud - Nabi Isa - Nabi Musa - Nabi Idris
 - B. Nabi Nuh - Nabi Ibrahim - Nabi Muhammad - Nabi Isa - Nabi Musa
 - C. Nabi Isa - Nabi Musa - Nabi Nuh - Nabi Muhammad - Nabi Adam
 - D. Nabi Ismail - Nabi Musa - Nabi Muhammad - Nabi Ibrahim - Nabi Nuh
4. Hikmat Rasul-Rasul bersifat maksum ialah
- i. Untuk berhujah dengan orang-orang kafir
 - ii. Untuk menjaga martabat dan kemuliaan mereka
 - iii. Mereka menjadi contoh ikutan kepada orang lain
 - iv. Mereka membawa syariat yang besar daripada Allah s.w.t
- A. ii dan iii
 - B. i dan iv
 - C. iii dan iv
 - D. ii dan iv

5. Berikut adalah perkara BENAR berkaitan dengan alam musyahadah KECUALI
- A. Kenikmatannya kekal abadi
 - B. Boleh ditanggapi oleh pancaindera
 - C. Mampu ditafsir , dikaji serta diselidiki
 - D. Boleh dimanfaatkan oleh seluruh manusia
6. Antara berikut yang manakah menepati dengan tanggungjawab memulihara alam
- i. Menanam semula pokok
 - ii. Menimbus kawasan lombong
 - iii. Mengawal penebangan hutan
 - iv. Membersih parit dan sungai-sungai
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
7. Faedah memelihara alam antaranya ialah
- i. Mengawal suhu bumi
 - ii. Mengawal bencana alam
 - iii. Menguburkan tumbuh-tumbuhan
 - iv. Mengelak kepupusan habitat tumbuhan dan haiwan
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
8. Antara fungsi akal dalam mengenal Tuhan ialah
- i. Menulis ayat-ayat suci al-quran
 - ii. Melakukan ibadat terhadap Allah
 - iii. Memahami dan mempelajari wahyu Allah
 - iv. Berfikir tentang kesempurnaan syariat yang telah dicipta oleh Allah
- A. i dan ii
 - B. ii dan iv
 - C. iii dan iv
 - D. i dan iv
9. Antara ciri-ciri akal ialah
- i. Boleh berfikir secara tepat dan jitu
 - ii. Dapat membezakan halal dan haram
 - iii. Boleh berkembang apabila banyak berfikir
 - iv. Tidak dapat membezakan kebaikan secara mutlak
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. iii dan iv

10. Berikut BUKAN keistimewaan wahyu Al-Quran
- Terjamin daripada sebarang perubahan
 - Mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan
 - Merupakan rahmat kepada orang yang beriman
 - Menjawab sebahagian besar permasalahan ramai
11. Antara berikut berkaitan dengan wahyu KECUALI
- Kebenarannya mutlak
 - Tetap turunnya hingga hari kiamat
 - Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja
 - Terpelihara kandungan dan kesuciannya hingga hari kiamat

Soalan 12 – 14 merujuk kepada jadual di bawah.

A	B	C	D
Materialisme	Sekularisme	Kapitalisme	Atheisme

12. Fahaman yang memisahkan nilai-nilai agama dalam kehidupan
13. Fahaman kebendaan , menilai kehidupan dunia berasaskankebendaan / harta sebagai matlamat hidup
14. Fahaman yang mahukan demokrasi dan kebebasan dalam kegiatan ekonomi , politik dan sosial.
15. Berikut adalah cara berfikir yang sihat dan diterima syarak KECUALI
- Berfikir secara negatif
 - Berfikir secara positif
 - Berfikir mencari kebendaan
 - Berfikir mencari bukti kewujudan Allah
16. Sesuatu yang diterima daripada Rasulullah S.A.W samada berupa perkataan , perbuatan dan pengakuan Baginda.Pernyataan ini menerangkan pengertian
- Al-Quran
 - Al-Hadis
 - Al-Ijmak
 - Al-Qias
17. Hadis Sahih ialah hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah S.A.W.Ciri lain bagi Sahih ialah
- Perawinya adil, thiqah lagi dhabit
 - Terdapat syaz dan ilat sanadnya
 - Gugur seorang perawi dari sanadnya
 - Perawi seorang yang fasik dan pelupa


18. Berikut adalah kesan anti Hadis KECUALI
- A. Umat islam berpecah belah
 - B. Hilang rasa hormat terhadap Nabi s.a.w
 - C. Berpegang teguh kepada Hadis dan tidak mempertikaikannya
 - D. Segala tuntutan al-quran tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna
19. Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa , tempat dan zaman.Situasi di atas menerangkan tentang
- A. Rabaniyyah
 - B. Alamiyyah
 - C. Waqiyah
 - D. Syumuliyyah
20. Ciri-ciri masyarakat majmuk ialah
- i. Bebas beragama , berbudaya dan berbahasa
 - ii. Hormat menghormati dan kasih sayang antara satu sama lain
 - iii. Mempertahankan maruah mengikut bangsa dan keturunan tertentu
 - iv. Bekerjasama menjaga , mengawal dan mempertahankan negara dari ancaman luar
- A. i,ii dan iii
 - B. ii ,iii dan iv
 - C. i,ii dan iv
 - D. i,iii dan iv

BAHAGIAN B
(Soalan Struktur – 20 markah)

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah 45 minit


1. Lengkapkan pernyataan berikut:
 - a. Paksi utama beriman kepada tauhid Uluhiyyah ialah kalimah _____ (1m)
 - b. Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur selama _____ tahun (1m)
 - c. Syirik merupakan dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah s.w.t kecuali dengan _____ (1m)
 - d. Islam melarang _____ dan kerakusan dalam mengejar kemajuan dengan mengorbankan keindahan dan kehijauan alam. (1m)
 - e. Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan _____ (1m)

2. a. Lengkapkan rajah di bawah



- b. Gambarajah di atas merumuskan matlamat sistem _____ yang menghubungkan sesama manusia dan makhluk - makhluk lain (1m)

- c. Lengkapkan elemen-elemen yang sesuai dalam gambarajah di bawah .



X: _____

Y: _____

Z: _____

3. Tandakan pernyataan berikut benar ATAU salah dengan menandakan () pada kotak berkenaan

- | | BENAR | SALAH | |
|--|--------------------------|--------------------------|--------|
| a. Akal jika dibiarkan bersendirian akan sesat | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | (1m) |
| b. Hadis dhaif ialah hadis yang di dalamnya terdapat sifat-sifat hadis sahih dan hadis hasan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | (1m) |
| c. Setiap manusia dilahirkan dengan fitrah beragama | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | (1m) |
| d. Bilangan Rasul 331 orang dan wajib diketahui seramai 25 orang | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | (1m) |
| e. Al-Fatanah adalah sifat wajib bagi Rasul yang bermakna bijaksana | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | (1m) |

4. Tuliskan Istilah yang paling sesuai dalam petak yang disediakan.

a. Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tidak taat dan derhaka kepada Allah

(1m)

b. Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah

(1m)

c. Tanggungjawab yang diberi atau dipertanggungkan kepada seseorang Islam yang baligh dan berakal

(1m)

e. Neraca penimbang untuk menimbang dosa pahala seseorang di akhirat nanti ialah

(1m)

f. Kiraan amalan seseorang bagi menentukan samada seseorang itu ke syurga atau ke neraka ialah

(1m)

KERTAS SOALAN TAMAT